

Kes saman Najib terhadap bekas Peguam Negara

'Tommy tiada niat jahat terhadap Najib'

Pendakwaan dibuat selepas terima kertas siasatan lengkap

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Saman Datuk Seri Najib Razak terhadap Tan Sri Tommy Thomas atas dakwaan salah guna kuasa dalam jawatan awam tidak boleh dipertahankan dari awal lagi kerana bekas Peguam Negara terbabit tidak menjalankan pendakwaan terhadap bekas Perdana Menteri itu, demikian diputuskan Mahkamah Tinggi.

Melalui penghakiman penuhnya dalam kes saman berkenaan, Hakim Datuk Ahmad Bache, berkata Tommy tidak menjalankan pendakwaan dan tidak mengambil bahagian dalam empat kes jenayah dihadapi Najib kerana ia masih tertangguh dan belum bermula ketika beliau meletak jawatan pada 28 Februari 2020 dan apabila saman itu difailkan pada tahun 2021.

Hakim itu berkata, walaupun ketika Mahkamah Tinggi membuat keputusan menolak kes saman berkenaan pada 25 November lalu, masih tiada penentuan dalam empat kes jenayah terbabit yang sekali gus melemahkan tuntutan Najib dalam samannya.

Katanya, sekiranya Tommy mempunyai agenda terhadap Najib (yang mana tidak dipersetujui oleh mahkamah), beliau sendiri yang akan menjalankan pendakwaan kes jenayah terhadap bekas Ahli Parlimen Pekan itu.

"Oleh itu, bagaimana beliau (Tommy) boleh dikatakan mela-

kukan salah guna dalam jawatan awam dan kesalahan lain.

"Tambah pula, Tommy sebagai Pendakwa Raya tidak bertindak sewenang-wenangnya dengan mendakwa Najib (plaintif) dengan niat jahat, tetapi ia dibuat hanya selepas menerima kertas siasatan yang lengkap daripada agensi siasatan," katanya.

Pada 25 November tahun lalu, Ahmad membenarkan permohonan Tommy untuk membatalkan saman difailkan Najib berhubung dakwaan salah laku dalam jawatan awam.

Najib memfailkan saman itu pada 22 Oktober 2021 bagi menuntut ganti rugi RM1.9 juta kerana mendakwa Tommy dan kerajaan menyalahgunakan kuasa dengan mengemukakan pendakwaan terhadapnya dalam beberapa kes termasuk kesalahan penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ahmad membenarkan permohonan Tommy selepas mendapati saman itu tidak boleh dipertahankan berikutan ia adalah remeh, menyusahkan dan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Beliau berkata, Tommy ketika itu adalah peguam negara kerajaan dan bukannya peguam negara politik yang menjalankan kuasanya dengan bebas berdasarkan Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan dan beliau mempunyai kuasa budi bicara yang luas untuk menjalankan pendakwaan.

Empat kes yang dinyatakan Najib dalam saman itu membabitkan 35 tuduhan berhubung 1MDB, International Petroleum

Investment Company (IPIC), salah guna kuasa mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA).

Sementara itu, Ahmad berkata, Tommy sebagai pendakwa raya mempunyai kewajipan untuk mendakwa Najib apabila menerima siasatan lengkap daripada agensi siasatan yang mendedahkan bukti kukuh dan boleh dipercayai di atas kesalahan yang dikatakan dilakukannya.

Beliau berkata, jika mahkamah bersetuju bahawa Tommy melakukan salah laku di sebalik kuasa yang ada padanya, ia akan menyebabkan semua tindakan yang diambil oleh pendakwa raya akan diteliti.

"Oleh itu, timbalan pendakwa raya juga akan takut untuk mengemukakan pertuduhan terhadap suspek walaupun terdapat bukti yang kukuh kerana mereka akan berisiko untuk disaman selepas itu.

"Ini berpotensi untuk menyebabkan peningkatan ketara aktiviti jenayah di negara ini.

"Paling teruk, ia akan mengundang tertuduh untuk memfailkan tuntutan terhadap pendakwa raya walaupun sebelum prosiding dimulakan atau sebelum mereka dibebaskan seperti kes sekarang di mahkamah ini," katanya.

Hakim itu berkata, dengan membenarkan saman Najib juga akan menjadi contoh buruk di mana orang yang dituduh boleh memfailkan tuntutan terhadap Peguam Negara sekiranya mereka dibebaskan.



Tommy Thomas